

Hari raya ini kita berhari raya, marilah kita bersuka ria, tetapi jangan beria-ria, kerana ia membawa bahaya, berhari raya bersuka ria, ziarah dengan tidak membezakan miskin kaya, bermaaf-maafan dengan tidak memperdaya, supaya masing-masing dapat bahagia. Masa berhari raya patut diingat, jauhi segala jenis tersangat, berjogget, minum orang yang mengubah peringat. Kerana agama menegah sangat—inilah ucapan hari raya kita sambil ruangan ini berharap kepada tiap-tiap pembacanya supaya beringat-ingat di dalam segala-galanya sehingga jangan di dalam masa kita bersuka ria iaitu melupakan segala tegahan-tegahan yang sememang membawa bencana.

-----*-----*-----

Tuan Syed Ibrahim al-Sagoff bilang bahawa kerana orang-orang sekarang bakhil maka sebab itulah orang walaupun tidak berkenan mengadakan loteri dan sebagainya untuk mencari drama. Kita suka tanya jadi kerana orang bakhil kita mesti langgar barang yang ditegah? Kalau kita hendak bercampur dengan sosial kepada rakan-rakan kita, kita mesti minum arak? – Bagaimanakah usul Islam? Kalau orang bakhil yang biasa terbanyaknya orang kaya— bukan orang miskin kerana yang kaya yang boleh memberi tetapi malangnya banyak yang kaya jangankan hendak bersedekah mengeluarkan zakat pun tidak sempurna bahkan ada apabila hari raya sudah memberi hartawan-hartawan itu belayar ke luar negeri dan dengan kerana itu tidak nampak ia tidak berzakat pada hal orang ramai selalu tertanya-tanya masa mana ia berzakat dan kepada siapa zakat diberikan oleh kerana mereka tidak nampak zakat itu dikeluarkan.

Penaja Kolej Islam, Tuan Syed Ibrahim al-Sagoff juga sudah bising kerana sokongan kepada kolej itu tidak mendapat sambutan yang memuaskan – ini sebenarnya mendukacitakan. Tetapi



KOPI PAHIT

kita dapat tau orang berjanji akan memberi di antaranya Tuan Syed Ibrahim sendiri mengakukan memberi sebanyak \$12,000. Ini bagus. Tetapi masih, akan sahaja, belum lagi diberi—patutnya jangan selalu menyebut akan beri tetapi berikan sahaja cop \$12,000 kepada A. Fatah agar habis perkara tak payah disebut-sebut lagi. Ini bagus sebagai contoh sebab kalau pakai akan juga nanti boleh jadi masuk angin keluar asap sahaja.

-----*-----*-----

Ada sebuah majalah rupanya susah mahu masuk Islam semula sesudah murtad—mengapa kita katakan begitu?! Sebabnya lain tidak dahulu majalah itu telah jadi penyokong Anis—meninggikan dan mengagungkan faham tidak bertuhan sehingga masih ada di dalam golongan penulis-penulis majalah itu yang terang-terang berani berkata ia tidak beragama tetapi sekarang majalah itu kerana hendak berhari raya mahu masukkan perkara agama di dalamnya. Sebab itulah kita katakan mahu masuk Islam semula— mudah-mudahan Tuhan memberi taufik kepadanya. Tetapi tidakkah nanti ia akan mempermain-mainkan agama sahaja—menggunakan agama sebagai taufik untuk menarik pembaca-pembaca lalu mempersilakan beberapa ulama’ muzabab menulis di dalamnya.

-----*-----*-----

Dalam hari raya ini masing-masing kita patut perhati terutamanya di Singapura, berapa banyak orang kita yang lebam mukanya atau tergelimpang di tepi jalan kerana mabuk setelah berhari raya mengikut kaedah tahun baru Cina—

adakah ia akan memecahkan rekod tahun yang lalu— masing-masing kita perhati sebab pelajaran dan iman mereka tipis- Cemati al-Farouk